



24 Januari 2017
24 January 2017
P.U. (A) 32

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN) 2017

CONTROL OF TOBACCO PRODUCT (AMENDMENT) REGULATIONS 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY/
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa pada 1 Februari 2017.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [*P.U. (A) 324/2004*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “lapangan terbang” takrif yang berikut:

‘ “menara cerapan” ertinya suatu struktur termasuk bumbun yang dibina bagi tujuan memerhati flora dan fauna dalam suatu kawasan taman negara atau taman negeri;’

(b) dengan memasukkan selepas takrif “rokok” takrif yang berikut:

‘ “taman awam” ertinya suatu kawasan lapang bagi tujuan beriadah dan berekreasi yang mengandungi landskap lembut atau kejur, atau kedua-duanya, seperti laluan pejalan kaki, padang permainan, gelanggang permainan dan taman permainan;

“taman negara” ertinya suatu kawasan yang telah diwartakan sebagai taman negara di bawah Akta Taman Negara 1980 [*Akta 226*], Enakmen Taman Negara (Kelantan) [*En. 14 Tahun 1938*], Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939 [*En. 2 Tahun 1938*] atau Enakmen Taman Negara (Terengganu) [*En. 6 Tahun 1358*];

“taman negeri” ertinya suatu kawasan yang telah diwartakan sebagai taman negeri, tanah rizab atau hutan simpan kekal di bawah mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Peraturan-Peraturan ini;

“tapak perkhemahan” ertinya suatu tapak khas yang digunakan bagi mendirikan khemah bagi aktiviti perkhemahan termasuk apa-apa bangunan dalam tapak berkenaan;’ dan

- (c) dengan memasukkan selepas takrif “tempat makan berhawa dingin” takrif yang berikut:

‘ “titian kanopi” ertinya suatu laluan pejalan kaki yang dibina dengan menghubungkan pokok termasuklah tempat rehat;’.

Pindaan peraturan 11

3. Subperaturan 11(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (u), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (v), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “;”;
- dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (v) perenggan yang berikut:

- “(w) dalam mana-mana kawasan taman awam kecuali tempat letak kereta awam terbuka; atau
- (x) dalam mana-mana menara cerapan, tapak perkhemahan, titian kanopi dan lima meter dari laluan masuk atau keluar titian kanopi dalam taman negara atau taman negeri.”.

Pindaan peraturan 12

4. Subperaturan 12(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “tuan punya kenderaan” perkataan “atau tempat”.

Pemotongan peraturan 21

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 21.

Jadual Kesembilan baharu

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kelapan Jadual yang berikut:

“JADUAL KESEMBILAN

[Peraturan 2]

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

SENARAI UNDANG-UNDANG

1. Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 [*Enakmen No. 11 Tahun 1985*] (Kelantan)
2. Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1987 [*Enakmen No. 1 Tahun 1988*] (Perlis)
3. Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak 2001 [*Enakmen No. 10 Tahun 2001*] (Perak)”.